

26/07/2000

BN tangguh keputusan terima empat parti baru

KUALA LUMPUR, Selasa - Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) terpaksa menangguhkan keputusan untuk menerima kemasukan empat parti politik ke dalam gabungan itu, dipercayai kerana tidak mendapat persetujuan sebulat suara daripada 14 anggotanya.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat kira-kira tiga jam Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN bagaimanapun tidak menyebut nama keempat-empat parti terbabit.

Katanya, parti-parti komponen menangguhkan keputusan mengenai permohonan itu untuk memberi peluang kepada mereka menarik seberapa ramai anggota ke dalam parti masing-masing.

"Kita tangguhkan perkara ini untuk masing-masing memikirkannya," katanya. Difahami, ini bagi memberi peluang kepada parti komponen yang ada meneliti perkembangan lanjut.

Selain mesyuarat agung tahunan, BN juga mengadakan mesyuarat biasa Dewan Tertingginya selepas itu. Mesyuarat itu juga memutuskan untuk mengadakan konvensyen BN pada tahun ini dan ia akan menjadi acara tahunan.

Difahami, empat parti itu ialah Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), Kongres India Muslim Malaysia (Kimma), Berjasa dan Parti Punjabi Malaysia (PPM).

Mengikut kebiasaan, sebarang kemasukan parti baru ke dalam gabungan BN perlu mendapat sokongan bulat daripada semua anggotanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, parti komponen bersetuju untuk mencari satu formula sesuai bagi menyelesaikan soal permohonan empat parti politik itu.

(END)